


PELAN REKALIBRASI PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI) Program Rekalibrasi Tenaga Kerja



MAKLUMAT TAMBAHAN
PELAN REKALIBRASI PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI)
Program Rekalibrasi Tenaga Kerja

1. TATACARA PERMOHONAN

- i. Proses di JTKSM dan JIM boleh dilakukan secara serentak. Walau bagaimanapun, majikan yang mempunyai rekod di Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) digalakkan untuk membuat pendaftaran PATI di JIM melalui portal dan hadir ke JIM berdasarkan tarikh temujanji yang akan diberikan.
- ii. Bagi majikan yang belum pernah mempunyai rekod di Sistem MyIMMs, majikan tidak dibenarkan untuk meneruskan pendaftaran PATI di JIM. Sebagai alternatif, majikan hendaklah membuat permohonan di Sistem ePPAx terlebih dahulu bagi membolehkan penyaluran maklumat majikan dihantar ke Sistem MyIMMs.
- iii. Majikan sektor pembinaan Gred G4 hingga G7 dinasihatkan untuk merujuk kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi mendaftarkan projek pembinaan yang dijalankan dalam Sistem CIMS cims.cidb.gov.my terlebih dahulu sebelum meneruskan permohonan selanjutnya di Sistem ePPAx.

JTKSM

- Majikan boleh log masuk secara terus di Sistem ePPAx menerusi pautan <https://www.eppax.gov.my>.
- Tatacara untuk log masuk boleh dirujuk dalam manual pengguna atau email ke eppaxteam@mohr.gov.my.

JIM

- Majikan/PATI hendaklah membuat pendaftaran PATI melalui portal <https://www.imi.gov.my>.
- Majikan/PATI membayar wang cagaran secara online.

2. SYARAT-SYARAT

Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

Terdiri daripada PATI yang sedia ada digajikan atau masih belum digajikan oleh majikan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Pemegang Pas Lawatan Sosial (PLS), Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan Pembantu Rumah Asing yang tinggal lebih masa pada atau sebelum 31 Disember 2020.
2. Pemegang PLKS yang melanggar syarat pas di bawah Peraturan-Peraturan Imigresen tetapi pasnya masih sah pada atau sebelum 31 Disember 2020.
3. Bukan PATI yang dilaporkan lari daripada majikan.
4. Terhadap kepada 15 negara sumber iaitu Thailand, Kemboja, Nepal, Myanmar, Laos, Vietnam, Filipina, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, Turksmenistan, Uzbekistan, Kazakhtan, India dan Indonesia.
5. Bukan dalam Senarai Disyaki dan Senarai Hitam.
6. Mempunyai dokumen perjalanan negara asal yang masih sah laku sekurang-kurangnya 18 bulan.
7. Mempunyai slip keputusan negatif bagi ujian COVID-19 yang dibuat dalam tempoh 3 hari sebelum tarikh temujanji di JIM.

Majikan

1. Mempunyai kuota kelayakan untuk menggajikan Pekerja asing berdasarkan nisbah kelayakan semasa.
2. Terhadap kepada 4 sektor iaitu Perkilangan, Pembinaan, Pertanian dan Perladangan.
3. Majikan sektor Pembinaan Gred G1, G2 dan G3 tidak dibenarkan memohon melalui Sistem ePPAx. Majikan hendaklah merujuk kepada *Construction Labour Exchange Centre Bhd* (CLAB) untuk membuat permohonan lanjut.

3. KOS BAYARAN

Wang Cagaran	: RM500
Fi Rekalibrasi1	: RM1,500
Levi	: RM1,850 (Perkilangan dan Pembinaan) RM640 (Perladangan dan Pertanian)
PLKS	: RM60
Bayaran Proses	: RM125
Visa	: mengikut warganegara

4. TEMPOH PELAKSANAAN

TARIKH MULA : 16 NOVEMBER 2020
TARIKH TAMAT : 30 JUN 2021